

12 APR 2002

SIEMENS-PERSIJILAN/I

SIEMENS MALAYSIA AKAN TERIMA PERAKUAN ISO SEPENUHNYA Hujung Tahun

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Siemens Malaysia Sdn Bhd akan menerima perakuan ISO sepenuhnya hujung tahun ini dalam usahanya menyediakan perkhidmatan yang berkualiti tinggi untuk kepuasan pelanggan.

Presiden dan ketua pegawai eksekutifnya, Rainer Althoff berkata buat masa ini lima daripada bahagiannya telah memperolehi persijilan ISO iaitu Siemens ITS, Perkhidmatan dan Penyelesaian Perindustrian Siemens, Perkhidmatan Perniagaan Siemens, Automasi dan Pamacu (A&D) dan Rangkaian Maklumat dan Komunikasi Siemens (ICN).

Syarikat itu juga yakin untuk memperolehi persijilan ISO bagi tiga lagi bahagiannya menjelang hujung tahun ini.

Bahagian berkenaan ialah Transmisi dan Pengagihan Tenaga (PTD), Komunikasi Maklumat Bergerak (ICM) dan Jabatan Pusat, katanya pada sidang media selepas penganugerahan sijil ISO 9001:2000 kepada bahagian ICN di ibu pejabatnya di Damansara di sini hari ini.

"Kami cuba mewujudkan syarikat kami sebagai sebuah syarikat yang berkualiti tinggi bagi produk yang membabitkan perkhidmatan dan prestasi, oleh itu kami terus mencari prosedur yang terbaik dan satu daripadanya ialah persijilan ISO," kata beliau.

Althoff berkata persijilan ISO adalah selaras dengan misi Siemens untuk menjadi syarikat pilihan yang boleh memberikan prestasi terbaik dan berkualiti tinggi.

Esok akan menandakan satu lagi prestasi Siemens apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan Lingkaran Rel Ekspres, produk terkini dalam bidang sistem pengangkutan.

"Kami dapat memberikan satu operasi kereta api yang hebat mendahului jadual," katanya.

Beliau berkata penumpang penerbangan MH01 malam esok akan menjadi kumpulan pertama yang akan menggunakan perkhidmatan ERL itu.

Dalam perkembangan lain, Althoff berkata Siemens berharap untuk membekalkan perkhidmatan radio paket kepada Technology Resources Industries Bhd (TRI) tetapi niaga janji itu masih belum dimuktamadkan.

Siemens Malaysia melabur kira-kira RM4 bilion bagi tempoh 1999 hingga 2001, kebanyakannya dalam perkilangan.

Jumlah dagangannya bagi tahun kewangan berakhir September 2001 ialah RM2.4 juta.

Siemens mempunyai tiga kilang di Malaysia iaitu Infineo di Melaka yang mengeluarkan separa konduktor bagi telefon selular, Osram di Pulau Pinang yang mengeluarkan opto elektronik seperti skrin untuk telefon mobil dan Siemens VDO di Prai yang menghasilkan komponen untuk industri kereta.

Kilang VDO mengeluarkan antara lain sistem pengurusan enjin khususnya untuk kereta Proton dan Perodua. -- BERNAMA

AFY KTC NHD